

**Hubungan PKR Dan DAP Johor Retak Akibat Isu Pembahagian Kerusi
Bernama
5 Januari , 2012**

JOHOR BAHARU, 5 Jan (Bernama) -- Kemelut berpanjangan tentang isu pembahagian kerusi antara dua parti Pakatan Rakyat (PR) di Johor, DAP dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) telah menyebabkan keretakan hubungan di antara kedua-dua parti itu.

Malah Pengarah Pilihan Raya PKR Johor Steven Choong berkata kali terakhir PKR dan DAP Johor duduk semeja berunding tentang isu pembahagian kerusi pilihan raya umum ke-13 atau isu lain adalah pada bulan Julai tahun lepas.

Katanya selepas perbincangan itu PKR Johor tidak 'berhubungan' dengan DAP Johor, dengan kedua-dua parti membawa haluan masing-masing.

"Semenjak Julai tahun lepas, kami (DAP dan PKR Johor) tidak berhubungan," katanya kepada Bernama Khamis ketika mengulas mengenai hubungan dingin kedua-dua parti berkenaan.

Steven mengakui kedua-dua parti itu telah gagal menyelesaikan masalah mereka berkenaan isu pembahagian kerusi dan kini menyerahkan kepada majlis rundingan presiden PR di peringkat pusat untuk mencari penyelesaian.

Katanya PKR Johor menerima apa sahaja keputusan yang dibuat oleh peringkat pusat tentang pembahagian kerusi pilihan raya umum di Johor.

Steven menegaskan di dalam PR tidak ada parti tertentu yang lebih berkuasa berbanding parti-parti lain, dengan semua parti yang menganggotai PR memiliki kuasa dan hak yang sama.

Isu pembahagian kerusi antara PKR dan DAP Johor timbul apabila DAP Johor didakwa mahu jumlah kerusi yang ditandingi oleh calon-calonnya pada pilihan raya umum akan datang ditambah.

"PKR Johor secara konsisten bertanding di kerusi-kerusi campuran," katanya sambil turut mengkritik DAP Johor yang tidak mematuhi arahan pusat supaya tidak mengutarakan isu tentang pembahagian kerusi itu di media.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=638145>